



BULETIN PRODUK- PERINGATAN PENGOPERASIAN & PENYELENGGARAAN PERALATAN KESELAMATAN KRITIKAL

ISU/TARIKH:	26 Mac 2014	NOMBOR BULETIN:	AQ260314
SUBJEK:	Sarung Bolt	RANGKAIAN PRODUK:	TrojanUVLogic™, TrojanSwift™SC, TrojanUVFit™
TOPIK:	PENGGANTIAN SARUNG BOLT		

GAMBARAN / PENERANGAN

Palam lampu yang ditahan oleh langkah henti berpotensi untuk terlepas dari sarung bolt dalam keadaan sedang beroperasi. Bagi mengatasi isu ini, Aquafine telah menyediakan versi terbaru Sarung Bolt secara percuma untuk semua produk TrojanUVLogic™, TrojanSwift™SC dan TrojanUVFit™ yang telah dipasang untuk kegunaan Industri dan Komersial di Amerika Utara yang sedang menggunakan generasi Sarung Bolt yang sebelumnya.



Gambar rajah 1: Sarung Bolt Asal

Butiran

Sarung Bolt asal (PN 792932) mempunyai langkah henti sedia terpasang yang memegang palam lampu. (Gambar rajah 1) Dalam keadaan tidak dijangka di mana berlakunya keretakan sarung semasa pengoperasian reaktor, tekanan reaktor melebihi 5 psi boleh menyebabkan palam lampu untuk tertanggal daripada langkah henti tersebut. Peningkatan tekanan di dalam sarung juga boleh menyebabkan palam lampu untuk tertanggal dari langkah henti tersebut. Pelepasan lampu boleh menyebabkan pendedahan UV, kerosakan UV ke atas sarung bolt dan kemungkinan mendatangkan kecederaan parah atau kematian.

RESOLUSI

Reka bentuk pengeluaran semasa mempunyai langkah henti serta nat berulir (Gambar rajah 2) yang memegang palam lampu. Apabila dipasang dengan sempurna dan dapat beroperasi dengan baik, jika berlakunya keretakan sarung, nat berulir memastikan kedapan kepada reka bentuk tekanan reaktor. Sarung bolt harus diperiksa untuk sebarang keretakan, kecacatan atau sebarang kerosakan apabila penutup reaktor dialihkan atau semasa penyelenggaraan pencegahan setiap 6 bulan. Jika keadaan di atas berlaku, sarung bolt gantian harus dipasang.

P/N 002190-215F P/N 792931 P/N 795750 P/N 793859 P/N 316148



Gambar rajah 2: Sarung Bolt Semasa

BULETIN PRODUK- PERINGATAN PENGOPERASIAN & PENYELENGGARAAN PERALATAN **KESELAMATAN KRITIKAL**

Aquafine akan menyediakan Sarung Bolt Semasa (PN 316148, 793859, 795750, 792931, 002190-215F) untuk produk TrojanUVLogic, TrojanUVSwiftSC dan TrojanUVFit secara percuma yang sedang digunakan bersama-sama Sarung Bolt asal. Sila hubungi penyedia Perkhidmatan Bertauliah Aquafine atau Kumpulan Khidmat Teknikal setempat anda untuk menguruskan penghantaran komponen gantian tersebut.

Sila sediakan Nombor Siri Peralatan dan maklumat hubungan Pengguna peralatan TrojanUVLogic, TrojanUVSwiftSC dan TrojanUVFit kepada penyedia Perkhidmatan Bertauliah Aquafine atau Kumpulan Khidmat Teknikal Aquafine di lokasi setempat anda bagi menerima Sarung Bolt Gantian.

Semasa melaksanakan penyelenggaraan ke atas mana-mana reaktor, sila pastikan anda mematuhi SEMUA amalan keselamatan berkaitan termasuklah tetapi tidak terhad kepada peralatan perlindungan diri, kunci dan tag semua sumber tenaga dan menyah-tekanan sebelum menjalankan sebarang servis. Sentiasa rujuk kepada manual O&M sebelum memulakan sebarang jenis servis atau penyelenggaraan. JANGAN imbang tekanan dalam reaktor melainkan Penutup Palam Lampu dipasang dengan betul. Kegagalan mematuhi langkah berjaga-jaga ini boleh mendatangkan kecederaan parah atau kematian.

SILA MASUKKAN BULETIN INI KE DALAM MANUAL PENGOPERASIAN & PENYELENGGARAAN UNTUK RUJUKAN MASA HADAPAN.

Bantuan

Jika anda memerlukan bantuan teknikal atau mempunyai sebarang komen; sila hubungi Penedar Bertauliah Aquafine anda.

Untuk menghubungi Aquafine secara langsung, anda boleh menghubungi Wakil Khidmat Pelanggan atau Sokongan Teknikal kami di:

e-mel: sales@aquafineuv.com

e-mel: techsupport@aquafineuv.com